

# PENAPISAN FILEM: MENGIMBANGI HIBURAN DAN ANCAMAN

**Wan Amizah Wan Mahmud,  
Normah Mustaffa  
dan  
Ali Salman**

## ABSTRACT

*The first film was brought into Malaya as early as 1898 as a form of entertainment to British citizens working in Malaya and Singapore. However, not all films can be considered as entertaining as some of them have threats to national security, especially when Hollywood movies began to change the perception of the local people against the colonials especially the whites. This study is exploring the development of the film industry early control policies before it comes to Malaya. By using qualitative methods, the analysis of documents and ethnographic period 1895 to 1940, showed that British colonial authorities wanted to defend and protect the status quo of the English themselves in order to prove their supremacy in Malaya. The initial stage of self-control is on the safety in the audience in the theater, for example in terms of fire prevention. The next stage is then related to the content of the film which is screened. This is done by creating a system of censorship for imported films screened before permission is given. Among them are appointed members of the board of film censorship, censorship charge and to make sure the film has been edited necessary before being submitted for screening. The studies also show statistics of films filtering and released of the movie, as well as factors ban on the film, including an analysis of why the film was banned. Censorship system is still practiced in Malaysia to this day and is considered still relevant even when it was introduced more than a century ago.*

**Keywords:** *Film Industry, Censorship Board, Security Threat, Statistics of Film*

## Pendahuluan

Sebelum filem dicipta pada penghujung kurun ke-19 di Eropah dan Amerika Syarikat, bentuk hiburan popular di sana pada masa itu ialah teater. Di Malaysia, persembahan teater tempatan dan hiburan umum yang popular antaranya ialah wayang kulit, mak yong dan menora di Kelantan, wayang Cina atau wayang “Mendu” di Singapura, serta wayang Parsi dan bangsawan di Pulau Pinang selain joget dan ronggeng yang juga amat popular pada masa lalu. (Wan Abdul Kadir 1988). Kedatangan penjajah Inggeris pula membawa bersama-sama mereka teater Inggeris

ke Tanah Melayu. Semua persembahan ini diadakan di bangunan khas yang didirikan khusus untuk tayangan umum, iaitu panggung wayang, tetapi ada juga yang diadakan di rumah dan kelab persendirian.

Setelah filem diperkenalkan, budaya menonton filem diperluaskan. Filem dikatakan menjadi media yang paling berkesan dan mampu menjangkau segenap lapisan masyarakat berbanding media massa lain (Ginsburg & Roberts 1958). Cita rasa dan budaya popular penonton filem dianggap lebih menonjol berbanding bentuk-bentuk media lain kerana penerimaan masyarakat terhadap filem lebih mudah diresapi oleh golongan masyarakat majmuk pelbagai latar belakang, sama ada penduduk asal atau kaum pendatang (Desjardin 1995). Banyak filem Barat, khususnya filem dari Hollywood memaparkan adegan yang tidak boleh diterima oleh masyarakat dan budaya timur. Misalnya, adegan wanita Inggeris yang minum arak dan boleh diperbuat sesuka hati oleh lelaki lain yang bukan suaminya. Adegan seperti ini dikatakan membawa kepada ancaman “komunis” sehingga mengakibatkan rakyat tempatan tidak lagi menghormati “Tuan” Inggeris malahan tuan tersebut menjadi bahan ketawa penonton tempatan di panggung-panggung wayang (Bell 1926).

Pada peringkat awal kedatangan filem ke Tanah Melayu, pihak British masih belum mengenakan peraturan yang ketat ke atas pengusaha panggung dan pengedar filem. Walau bagaimanapun, dengan peredaran masa, sedikit demi sedikit peraturan dan undang-undang baru mula diperkenalkan kepada penonton dan pengusaha filem. Perkembangan sistem kawalan dan penapisan filem inilah yang mendasari kajian yang dilakukan.

Bagi tujuan kajian, metodologi yang diterapkan ialah kaedah kualitatif sejarawi komunikasi yang menggunakan data primer dan sekunder dari bahan arkib termasuk dokumen *Colonial Office*, serta penyata rasmi atau *hansard* Parlimen Malaysia. Bahan lain yang dirujuk termasuk juga ordinans, akta, rang undang-undang, buku dan makalah. Tempoh kajian adalah dari tahun 1895, iaitu perundangan terawal kawalan untuk keselamatan panggung serta teater sehingga tahun 1940, iaitu sebelum Jepun menduduki Tanah Melayu dan Singapura. Oleh itu, kajian ini bertujuan menelusuri perkembangan awal dasar kawalan sebelum kedatangan filem ke Tanah Melayu sehingga kemunculan sistem kawalan dan penapisan filem yang

dilakukan akibat ancaman terhadap keselamatan negara yang dipaparkan melalui filem import yang ditayangkan.

### **Kedatangan Filem Ke Tanah Melayu**

Wayang gambar pertama tiba di Tanah Melayu seawal tahun 1898 lagi (Lent 1978a; Jamil Sulong 1990). Antara tayangan gambar terawal yang dilaporkan adalah peristiwa sambutan Jubli Intan Ratu Victoria yang berlangsung di London pada 20 Jun 1897. Laporan akhbar menyebut kedatangan filem itu memberi kesan luar biasa kepada penonton kerana ada di antara mereka yang terpaksa dihalang ke belakang layar untuk melihat bagaimana keajaiban baru ini berfungsi. Ramai orang menyangka penjaga projektor tersebut memiliki kuasa sakti dan memburunya untuk menilik nasib dan mencari barang mereka yang hilang atau dicuri (Lent 1978b).

Jamil Sulong (1990) melaporkan dalam akhbar *The Malay Mail* bertarikh 20 Jun 1900, terdapat iklan "*Japanese Troupe (Petaling Street)*" yang mengenakan bayaran \$10.00 untuk tempat duduk lima (5) orang dan iklan bertarikh 23 November 1900 dalam akhbar yang sama juga memaparkan iklan "*Fantoches Francaises*" yang diadakan di The Club, Kuala Lumpur. Pada 6 Julai 1905, akhbar *The Malay Mail* menyiarkan berita tentang pertunjukan daripada Syarikat Sinematografi Jepun untuk ahli-ahli Kelab Selangor. Antara tayangan disiarkan adalah Pendaratan tentera Jepun, Pertempuran di Liao-yang, Peperangan di Sungai Yali, *Los Nadrons Nocturnos*, wanita geisya Jepun menari menyambut kemenangan, pertempuran di Mukdin, *The Great Train Robbery*, gambar wajah Maharaja Jepun serta Permaisurinya, Panglima Oyama, Jeneral Koda dan Kuroki serta beberapa pemandangan gambar di Jepun. Kualiti gambar yang ditayangkan itu dikatakan cukup baik dan terang serta diiringi dengan kesan bunyi letupan, air dan kereta api. Di samping itu, terdapat juga sebuah gramafon yang memainkan pelbagai lagu bagi mengiringi tayangan filem tersebut (Jamil Sulong 1990: 4-5).

Van Der Heide (2002) memetik laporan yang menyebut pada awal 1900-an lagi, syarikat filem dari pelbagai negara seperti Britain, Perancis dan Jepun sudah mengelilingi Semenanjung Tanah Melayu untuk menayangkan filem mereka. Ada laporan lain yang mengatakan penerbitan filem yang terawal di Singapura dibuat pada tahun 1907,

walaupun tiada maklumat tambahan dinyatakan. Jika benar, filem terawal tersebut kemungkinan besar adalah penerbitan syarikat British. (:118)

Di Pulau Pinang, Bilainkin (1932) melaporkan kebanyakan filem dari Hollywood akan tiba di Malaya sebelum ditayangkan di kota London. Malah dalam beberapa kes, lebih sebulan selepas sesuatu filem itu selesai menjelajah seluruh Malaya, barulah filem tersebut boleh ditayangkan di London. Ini menandakan negara ini adalah antara negara yang menjadi destinasi awal filem-filem terbaru dari Hollywood, berbanding kota besar seperti London.

### **Permulaan Kawalan Filem**

Disebabkan filem adalah suatu produk yang dibawa dari luar atau dimport, maka pengaruh yang tiba juga kebanyakannya berpunca daripada pengaruh luar. Walaupun kedatangan filem ke Tanah Melayu pada asalnya untuk hiburan anggota tentera dan pegawai British, tetapi turut dinikmati bersama oleh rakyat tempatan. Pihak pemerintah British terpaksa menyediakan beberapa kemudahan sosial untuk menghiburkan tentera dan pegawai mereka. Ini termasuklah membina panggung teater dan panggung wayang, kemudahan bersukan dan riadah, malah mendirikan bangunan serta jalan ke pusat peranginan di beberapa bukit seperti Penang Hill, Bukit Fraser dan Cameron Highland. Menurut Hang Tuah Arshad dan Sharifah Zinjuaher (1997), filem Barat mesti dibawa masuk dan ditayangkan di Tanah Melayu sejak awal kurun ke-20 adalah untuk faedah tentera dan pegawai British yang sedang berkhidmat di Tanah Melayu. Namun begitu, lama-kelamaan rakyat tempat pula yang teruja dan tertarik dengan tayangan filem tersebut kerana kebiasaan menonton filem-filem Barat tersebut. Menurut mereka lagi, kesemua filem asing, termasuk filem dari Barat serta Indonesia telah mempengaruhi cara hidup dan berfikir orang Melayu di bandar-bandar, tetapi tidak di kampung-kampung. Apabila filem menjadi semakin popular dan semakin banyak panggung wayang dibina untuk menampung permintaan daripada penonton tempatan, maka pihak penjajah British mulai gusar terhadap kesan serta pengaruh yang mungkin timbul daripada bentuk media massa baru ini.

Wheeler (1928) pula menafikan panggung wayang sudah meresap ke merata-rata tempat di Malaya. Masih banyak kawasan perlombongan

dan kampung yang tidak mempunyai panggung atau tempat tayangan filem, namun setiap pekan yang mempunyai sekurang-kurangnya lima ribu penduduk sudah ada panggung filem, ataupun dewan tempat filem ditayangkan. Oleh sebab penduduk bandar kebanyakannya terdiri daripada orang Cina, maka sebahagian besar penonton wayang juga adalah kaum berkenaan. Menurut Wheeler lagi, disebabkan orang Cina memang budayanya suka berjudi, maka adegan perjudian turut ditapis agar tidak memaparkan kemenangan dan kejayaan penjudi di layar perak.

Kebanyakan filem yang dibawa masuk ke Tanah Melayu pada awal kurun ke-20 adalah filem keluaran Hollywood dari Amerika Syarikat. Industri filem British sendiri mengalami kemerosotan akibat dominasi dan amalan monopoli Amerika Syarikat (Wade, 1985). Menurut Wade, seawal tahun 1910, hanya 15% filem yang ditayangkan di panggung British berasal dari Britain. Malah pengaruh dominan filem dari Amerika Syarikat ini semakin ketara dengan kedatangan filem dramatik. Walaupun industri filem mula dicipta di Eropah, tetapi akibat Perang Dunia Pertama (1914 – 1918), perusahaan filem di Eropah dikatakan “hancur sama sekali” dan industri ini diambil alih oleh Amerika (Hang Tuah Arshad & Sharifah Zinjuaher 1997). Dalam tempoh lebih kurang 30 tahun (1896 – 1927), syarikat filem di Amerika Syarikat sudah menerbitkan berpuluh ribu filem dengan purata 25 hingga 40 buah filem sebulan. Filem yang dihasilkan pada masa itu adalah dalam bentuk hitam putih dan bisu, manakala era filem bersuara hanya bermula kira-kira pada tahun 1928.

Namun begitu, Wheeler (1928 : 175) menyelar monopoli filem dari Amerika yang dikatakannya “*a scandal from every point of view – educational, financial, patriotic, imperial, moral.*” Selain Wheeler, Bilainkin (1932: 61) juga kesal dengan jenis filem yang ditayangkan, terutama filem dari Hollywood. Menurutnya;

*“Hollywood producers have plastered the screen with one idea – the weakness and hypocrisy of white men and women. The Asiatic concludes that the whites, who were always proclaimed to be superior that thus able to govern and rule subject races, must be, below the surface, a vile crowd of women snatchers. The women must be loose – are they not always wandering about dance floor with almost no clothing.”* (Bilainkin, 1932: 61)

Bilainkin (1932) berpandangan terhadap orang Asia, iaitu jika seorang wanita bersiar-siar di dalam sebuah kereta dengan seorang lelaki yang bukan suaminya, membawa hanya satu makna: apatah lagi sekiranya mereka kelihatan cukup mesra sekali. Keadaan ini merendah-rendahkan maruah orang putih secara umum. Namun setelah bertahun-tahun keadaan seumpama ini dipaparkan, beliau menganggapnya sebagai propaganda yang berterusan diasak masuk ke dalam minda orang Asia. Bilainkin (1932: 63) percaya, “*the damage done is now irreparable. Respect, like virtue, once lost, cannot easily be regained.*” (Bilainkin :63).

Dari sudut pandangan penerbit Hollywood pula, Vasey (1997) melaporkan sebelum meletusnya Perang Dunia Pertama, kebanyakan penerbit di Amerika Syarikat tidak berurusan secara langsung dengan pelanggannya di luar negeri. Sebaliknya, mereka membenarkan sebilangan besar filem mereka dieksport oleh agen jualan asing yang berpusat di London. Akibatnya, mereka tidak mendapat maklumat khusus tentang keadaan atau kehendak pasaran luar. Oleh itu, kebanyakan filem yang mereka hasilkan pada waktu itu adalah untuk pasaran dan mengikut cita rasa mereka sendiri sahaja. Pada waktu ini juga berlaku Revolusi Perindustrian dan kemasukan rakyat asing ke Amerika Syarikat. Oleh itu, filem telah menjadi saluran untuk mereka mendapatkan hiburan yang murah dan melata. Apabila Perang Dunia Pertama meletus, pusat pengedaran filem berpindah dari London ke New York, iaitu kira-kira pada tahun 1916 hingga 1918. Sejak itu, barulah mereka mula memberi tumpuan kepada kehendak dan peraturan yang dikenakan di negara asing. Pihak kerajaan Amerika Syarikat pula, seawal tahun 1922 lagi telah melaungkan slogan “perdagangan menyusuli wayang gambar” dan mendakwa bagi setiap kaki filem yang dieksport, satu dolar Amerika diperoleh oleh Amerika Syarikat dari segi jualan barangan lain (Vasey 1997).

Pada peringkat awal, apabila penapisan filem mula dilaksanakan sama ada di dalam atau di luar Amerika Syarikat, penerbit filem tidak begitu bimbang sekiranya filem mereka dipotong bagi memenuhi tuntutan dan konteks budaya tempatan. Namun begitu, sekiranya filem tersebut diharamkan sama sekali, maka pihak penerbit akan menanggung kerugian. Perkara pokok yang dipentingkan oleh penerbit filem di Amerika Syarikat ialah dari aspek pulangan ekonomi dan pelaburan. Penerbitan filem berbentuk aksi lebih diterima di pasaran luar negeri berbanding

filem yang banyak berbual disebabkan halangan bahasa. Pada masa itu, beberapa negara di dunia seperti Perancis, Jepun, Australia dan Britain – kesemuanya negara yang banyak mengimport filem Amerika Syarikat sudah mula mengenakan kawalan kandungan filem dan penapisan filem ke atas semua filem yang dibawa masuk ke negara mereka. Tekanan daripada pihak Britain ke atas industri perfileman di Amerika Syarikat, sedikit sebanyak mulai diambil kira oleh penerbit Hollywood demi memperluas empayar filem mereka ke seluruh dunia (Vasey 1996).

Di Britain, perkembangan filem yang semakin pesat turut memberi laluan kepada penubuhan *British Board of Film Censors* (BBFC) pada tahun 1912. Lembaga ini ditubuhkan oleh industri filem itu sendiri bagi melindungi daripada serangan pihak kerajaan tempatan yang berkuasa ke atas pemberian lesen panggung. Pada peringkat awal, penekanan yang lebih diberikan ke atas penapisan filem yang memaparkan unsur lucah dan gambaran Nabi Isa. Semua filem yang ingin ditayangkan di Britain perlu melalui tapisan ini terlebih dahulu, termasuk filem dari Hollywood. Malah kawalan sendiri yang dijalankan di Britain mula menular ke semua negara jajahan British dan ini dimulai oleh Hong Kong (Straits Settlements 1912).

Atas dasar mereka adalah tuan di tanah jajahan, maka British mulai mengenakan kawalan dan sekatan berkaitan penapisan serta pengharaman kandungan filem di Tanah Melayu, iaitu mengikut Ordinan Teater 1908 (Pindaan 1912) yang berkuat kuasa pada 10 Mei 1912. Ordinan ini menghendaki semua taukeh panggung menghantar senarai adegan yang akan ditayangkan dan memberi kuasa kepada polis untuk menyerbu masuk ke premis tayangan filem serta membatalkan lesen panggung. Secara tidak langsung, kawalan yang dikenakan dalam bentuk penapisan filem tersebut dilihat sebagai tanggapan bahawa rakyat yang dijajah tidak berupaya langsung sama ada dari segi kebijaksanaan, ketrampilan atau kecanggihan untuk berfikir tentang baik buruk untuk diri sendiri, apatah lagi untuk mempersoalkan tindak-tanduk penjajah (Wan Amizah, 2008).

Di Malaysia, faktor ekonomi turut mempengaruhi penapisan filem yang secara langsung dibuktikan oleh peningkatan perolehan pendapatan daripada khidmat yuran penapisan filem, pemberian lesen panggung, serta cukai hiburan yang dikenakan. Pendapatan daripada hasil penapisan

filem sahaja mencecah \$18,602.70 pada tahun 1923 (sila rujuk Jadual 1). Selain itu, pertambahan bilangan filem yang ditapis juga diandaikan sejajar dengan pertambahan bilangan panggung wayang di seluruh tanah air. Ini menunjukkan semakin ramai orang menonton wayang sebagai salah satu bentuk hiburan, khususnya kepada warga bandar.

### **Penapisan Filem Dan Keselamatan Negara**

Menurut Van Der Heide (2002), warisan utama yang ditinggalkan oleh pemerintahan British di Tanah Melayu bukanlah amalan penerbitan filem, tetapi kekangan yang dikenakan ke atas pelaksanaan penerbitan itu sendiri, iaitu sistem penapisan filem. Malah beliau menyatakan sistem penapisan bukan sesuatu yang berasal dari Malaysia, tetapi semata-mata satu lagi aspek kawalan penjajahan secara umum.

Seterusnya British berjaya menjajah dan memerintah Malaya tanpa banyak pertentangan daripada rakyat tempatan, kerana mereka telah menjaga keharmonian antara kaum di Malaya (Butcher 1979). Oleh itu, orang-orang Eropah yang berada di negara Asia, diharap tidak menindas dan melayan orang Asia dengan buruk agar nama baik dan prestij Orang Putih itu tidak terjejas. Malah, menjatuhkan prestij dianggap kesalahan yang lebih serius berbanding keupayaan ketenteraan. Butcher memetik kenyataan yang mengatakan Orang Putih di Asia dilihat sebagai “tuan kecil”, Sama ada dia disukai atau tidak, dibenci atau dihormati, namun dia akan diperhatikan dan mesti menunjukkan contoh terbaik, dari segi perlakuan, kebijaksanaan dan kekuatan diri. Oleh itu paparan filem yang ditayangkan di panggung wayang menjadi ancaman paling berbahaya terhadap prestij mereka.

Seorang bekas Ketua Polis Negeri-negeri Selat bernama Rene Onraet (1947) telah melakarkan pengalaman dan kisah hidupnya sejak mula menjadi polis pada 1909 hinggalah menjadi Ketua Polis di Singapura dalam sebuah buku autobiografinya berjudul “*Singapore - A Police Background*”. Menurutnya, penapisan filem mendukung aspek yang berlainan kepada orang Asia yang tidak mempunyai hubungan sebenar dengan rakyat Eropah atau Amerika. Kepada orang Asia, wayang bukan sahaja memberi hiburan, tetapi juga sebagai pendidik. Segala yang dipaparkan oleh wayang dianggap sebagai kehidupan rakyat Eropah dan Amerika yang sebenar sama ada, dari segi perlakuan, adat atau



etika mereka. Oleh itu, wayang mengajar sebahagian besar orang Asia yang tidak berpendidikan tentang orang kulit putih (Onraet, 1947: 16). Walaupun hakikat sebenarnya ialah:

*"An uncensored cinema theatre might teach the Chinese coolie about as much of the true life of the whites as the obscene little curios peddled to visitors in Japan will teach them about Japanese art. Constructive effort is the most difficult part of censorship."* (Onraet, 1947: 16).

Dari aspek penapisan itu sendiri, Onraet tidak menolak kawalan yang dikenakan ke atas adegan seperti kaedah gangster melakukan jenayah, menipu atau lucu, tetapi rakyat tempatan akan membantah sekiranya terdapat adegan yang berkaitan agama atau adat resam. Menurut Onraet (1947: 16) :

*"The real answer to serious critics of the cuts made is to be found in the reaction of the Asiatics themselves in the matters concerning their religion or customs: where such are misrepresented on the screen, the race concerned in the first to object, and their main and often only reason for objecting is that the film in question represents a state of affairs that is not true. Truth, that is the policy to adopt."*

Seterusnya Onraet (1947) mengakui sekiranya penapisan filem mahu menjadi progresif, memaparkan kenyataan sebenar, dan pada masa yang sama juga memuaskan hati semua pihak, maka ini menjadi masalah besar di Timur. Di kalangan rakyat Eropah, filem sudah dianggap boleh menggantikan syarikat teater bergerak. Oleh itu bagi mereka, filem yang ditapis ibarat persembahan pentas yang ketiadaan satu babak dan penguatkuasaan undang-undang kawalan serta penapisan filem sejak awal lagi diletakkan di bawah bidang kuasa Jabatan Polis (Onraet, 1947)<sup>1</sup>.

---

<sup>1</sup> Rene Onraet berkhidmat sebagai pegawai polis di Singapura sejak tahun 1907 hingga 1939, dan jawatan terakhirnya ialah Ketua Polis Negeri-Negeri Selat pada 1937 – 1939. Sebagai Ketua Polis, beliau juga menjadi Pengerusi Jawatankuasa Rayuan Penapisan Filem.

## **Penapisan dan Pelepasan Filem**

Data dan maklumat terperinci yang paling awal berhubung penapisan dan pelepasan filem diperoleh daripada *Annual Report on the Administration of the Straits Settlements Police Force* bagi tahun 1921. Keadaan ini diandaikan berlaku kerana mulai tahun 1920, seorang Penapis Filem yang rasmi telah dilantik bagi menjalankan tugas menapis filem serta mengumpulkan maklumat dan data yang berkaitan untuk dimasukkan ke dalam laporan tahunan Pentadbiran Polis.

Daripada Jadual 1 (sila rujuk halaman 11), bilangan filem yang ditapis pada tahun 1921 sendiri sudah melebihi seribu filem, iaitu sebanyak 1,075 judul filem dalam tempoh 12 bulan, atau purata 90 filem sebulan. Daripada jumlah tersebut, hanya 24 buah filem diharamkan, atau bersamaan dengan 2.23% sahaja. Setelah ditolak pula dengan sembilan (9) buah filem yang dilepaskan sesudah membuat rayuan kepada Jawatankuasa Rayuan, maka bilangan filem yang benar-benar diharamkan hanyalah 15 buah, atau bersamaan dengan 1.4% sahaja. Secara keseluruhan dalam tempoh 17 tahun, bilangan filem yang ditapis semakin meningkat pada saban tahun, seiring dengan peningkatan pendapatan daripada penapisan filem.

## **Faktor Pengharaman Filem**

Antara tahun 1935 hingga 1940, data senarai nama filem yang diharamkan dapat dikumpulkan dengan lebih lengkap dan terperinci. Sepanjang tempoh ini, sebanyak 275 buah filem yang diharamkan (Wan Amizah 2008). Daripada 275 buah filem tersebut, Jadual 2 (sila rujuk halaman 12) memaparkan analisis sebab-sebab pengharaman filem dilakukan. Antara sebab utama pengharaman ialah keganasan dan jenayah, khususnya filem yang membabitkan adegan tembak-menembak atau bunuh-membunuh. Ini juga termasuk adegan yang menunjukkan cara melakukan jenayah, misalnya cara merancang perompakan bank atau sebagainya. Keduanya disebabkan oleh faktor politik dan propaganda yang kebanyakannya dari China dan Hong Kong, terutama filem yang mengisahkan Perang China-Jepun. Kedua-dua sebab pengharaman ini merangkumi lebih 80% daripada jumlah filem yang diharamkan.

Secara keseluruhannya, Amerika Syarikat telah menjadi negara pengeluar filem yang utama, secara purata adalah 60.7%. Manakala negara China dan British masing-masing mengeluarkan secara purata 17.9% dan 12.9% jumlah filem. Ketiga-tiga negara ini merangkumi 91.5% daripada keseluruhan keluaran filem yang dibawa masuk seperti di Jadual 3 (sila rujuk halaman 13).

Seperkara yang menarik tentang negara pengeluar filem ialah peratusan filem yang dikeluarkan oleh negara British (termasuk tanah jajahannya) telah meningkat dengan mendadak pada tahun 1932 berbanding tahun 1931. Ini berikutan semakan semula Ordinans Teater 1928, susulan dasar kerajaan British pada Persidangan Pejabat Kolonial 1927 yang mahu lebih banyak filem British ditayangkan di seluruh tanah jajahan bagi menyaingi kebanjiran filem Hollywood. Melalui Ordinans Teater 1928, kerajaan British memerlukan sekurang-kurangnya 7.5 peratus filem yang ditayangkan adalah filem British menjelang penghujung 1928. Mulai tahun 1929 tayangan filem British meningkat kepada 10%, dan seterusnya meningkat lagi kepada lima peratus setiap tahun sehingga mencecah sekurang-kurangnya 30% mulai tahun 1933. Walau bagaimanapun, selepas mencapai 6.8% pada tahun 1928, bilangan filem British merosot pula kepada hanya 3% pada tahun 1929. Selepas mencecah 22.0% pada tahun 1932, peratusannya merosot lagi untuk empat tahun berikutnya sehinggalah pada tahun 1937 apabila peratusnya meningkat kepada 26.6%. Ini merupakan jumlah tertinggi yang dicatatkan sepanjang tempoh tahun 1926 hingga 1938, namun masih tidak mencapai sasaran 30% seperti yang dikehendaki. Kajian membuktikan bahawa keadaan ini berlaku kerana jumlah filem yang diterbitkan oleh syarikat British tidak mencukupi untuk menampung keperluan dan permintaan panggung wayang di negara ini. Keadaan ini diburukkan pula apabila ada filem British yang dibawa masuk itu diharamkan pula oleh Penapis Filem di Singapura. Maknanya, pihak Penapis Filem Singapura tidak memberi sebarang keistimewaan kepada sebarang filem, walaupun filem British.

Contoh senarai 12 buah filem terbitan syarikat British yang diharamkan oleh Penapis Filem dan Jawatankuasa Rayuan Penapisan Filem, bagi tempoh 1924 hingga 1932 dirumuskan dalam Jadual 4 (sila rujuk halaman 14 dan 15). Dalam surat dan dokumen yang dianalisis, pihak penerbit filem yang mendapat sokongan daripada Lembaga Perdagangan

di London, menganggap Penapis Filem dan Ketua Polis Negeri-negeri Selat sebagai tidak memberi kelonggaran langsung terhadap filem keluaran British dan kepentingan negara Britain, sedangkan mereka ini juga adalah warga British.

Penapis Filem, iaitu Kapten Hussey, dikatakan berat sebelah terhadap filem British dan terlalu autokratik semasa menjalankan tugasnya<sup>2</sup>, malah bersikap anti-British<sup>3</sup> (Wan Amizah 2008). Pihak berkuasa tempatan juga dikatakan terlalu cenderung menekankan kesan kejadian yang dipaparkan dalam filem sedangkan mungkin tidak salah memberi sedikit kelonggaran kepada pengusaha industri filem British. Mereka menuduh kerajaan dan pihak berkuasa tempatan

*“inclined to attribute too great importance to the effect which incidents depicted in films may have on the mentality of local Colonial populations, and that they may err on the side of strictness when leniency would probably have no ill effects.”<sup>4</sup>*

## Kesimpulan

Filem sudah lama menjadi sesuatu yang cukup menambat hati penonton di Malaysia. Kepopularan filem menimbulkan kegusaran pihak penjajah British kerana mereka percaya filem membawa beberapa kesan dan pengaruh kepada penonton tempatan. Demi memelihara prestij mereka daripada tercemar, pihak Britain melakukan beberapa tindakan kawalan, dimulai dengan mengenakan lesen panggung mengikut Ordinans Teater 1895, seterusnya berkembang menjadi kawalan ke atas kandungan filem dalam Ordinans Teater 1908 (Pindaan) No. 2 tahun 1912. Tugas penapisan menjadi semakin rumit hingga mewajarkan pelantikan seorang Penapis Filem secara rasmi selaras dengan peruntukan Ordinans Teater 1908 (Pindaan) tahun 1919. Tidak cukup dengan itu, kawalan diperketatkan untuk meliputi acara tinju, poster dan iklan filem dalam peruntukan Ordinans Teater 1908 (Pindaan) tahun 1923. Sehingga tahun 1924, Ordinans Teater 1908 (Pindaan) tahun 1924 harus mentakrif semula

---

<sup>2</sup> Surat drp ER Gourdeau, Pengarah Urusan *Australiasian Films* (Malaya) Ltd kpd Setiausaha BIP (Export) Ltd, London, bertarikh 13 Februari, 1931 (semakan daripada CO 323/1118/9).

<sup>3</sup> Surat drp WG Ball kepada Sir Philip Cunliffe-Lister, bertarikh 29 Nov, 1926 (semakan daripada CO 273/534/22273).

<sup>4</sup> Surat drp Federation of British Industries kpd WJ Briggs, Pej. Kolonial, bertarikh 15 Mac, 1932 (semakan daripada CO 323/1168/1).

perkataan "Teater" supaya dapat merangkumkan semua perkara yang bersangkutan-paut dengan persembahan pentas dan sinematografi.

Kajian ini mendapati sejarah penapisan filem pada masa lalu mempunyai pengaruh yang besar terhadap dasar penapisan masa kini. Dasar yang diperkenalkan dahulu tidak banyak berubah dengan dasar sedia, malah semakin diperhalusi dan diperincikan bagi mengurangkan ketaksaan dari segi tafsiran dasar dan undang-undang penapisan filem. Kajian juga meramalkan trend ini tidak akan banyak berubah untuk beberapa tahun akan datang selagi dasar yang ada masih relevan dan diterima ramai oleh pengamal media, penonton dan masyarakat Malaysia.

Berdasarkan perkembangan dan evolusi yang telah dijelaskan, kajian ini menyimpulkan bahawa pihak British telah bertanggungjawab memperkenalkan serta membentuk sistem dan dasar penapisan filem. Hal ini dilakukan demi mempertahankan dan melindungi *status quo* bangsa Inggeris itu sendiri demi membuktikan kuasa mereka sebagai ketuanan di Tanah Melayu. Oleh itu, filem bukan sahaja membawa hiburan kepada penonton, malah membawa unsur ancaman yang perlu dikawal oleh pihak berkuasa yang memerintah pada masa itu, iaitu penjajah British. Namun bentuk kawalan dan penapisan ini diterima umum dan sudah menjadi sebatian dengan sistem penyiaran di Malaysia lalu diteruskan sehinggalah ke hari ini.

## **BIBLIOGRAFI**

Bell, H., "The Cinema in The East: Factor in The Spread of Communism", *The Times*, 18 September 1926.

Bilainkin, G., 1932. *Hail, Penang!*, London: Sampson Low, Marston & Co. Ltd.

Desjardin, M., 1995. "Cinema and Communication", dalam Downing J, Ali Mohammadi & Sreberny-Mohammadi A (pnyt.). *Questioning the media: a critical introduction*, Thousand Oaks: Sage Publications.

- Ginsburg, N. & Roberts, C., 1958. *Malaya*, Seattle: Uni of Washington Press.
- Hall, D, 1984. "Introduction", dalam Kaplan, S.L (Ed). *Understanding Popular Culture*, Berlin: Walter de Gruyter.
- Hang Tuah Arshad & Sharipah Zinjuaher Ariffin, 1997. *Sejarah filem Melayu*, Petaling Jaya: Astasia Publishing House
- Jamil Sulong, 1990. *Kaca Permata: Memoir Seorang Pengarah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lent, J.A., 1978a. Mass media in Malaysia, *Asian Profile*, April 1978. 6(2) :153-161.
- Lent, J.A., 1978b. *Malaysian Mass Media: Historical and Contemporary Perspectives*. Amherst, NY: Council on International Studies, State Uni of NY at Buffalo.
- Straits Settlements, 1912. *Short-Hand Report of the Proceedings of the Legislative Council*, 23 Februari 1912 (: B 12-13)
- Van Der Heide, W., 2002. *Malaysian Cinema, Asian film*, Amsterdam: Amsterdam Uni Press.
- Vasey, R, 1997. *The World According to Hollywood, 1918-1939*, Wisconsin: University of Wisconsin Press.
- Wade, G., 1985. *Film, Video and Television: Market Forces, Fragmentation and Technical Advances*. London: Comedia Pub. Group.
- Wan Abdul Kadir bin Wan Yussof. 1988. *Budaya Popular dalam Masyarakat Melayu Bandaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Amizah Wan Mahmud. 2008. *Perkembangan dan Pembangunan Sistem dan Dasar Penapisan Filem Di Malaysia*, Tesis PhD Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wheeler, L.R., 1928. *The Modern Malay*, London: George Allen & Unwin Ltd.

<b>Nama Filem</b>	<b>Sumber</b>	<b>Sebab Pengharaman</b>	<b>Catatan</b>
<i>Moon of Israel</i>	CO 273/533/18384 Memo dalaman	Adegan tikam-menikam	Sir Oswald Stoll menghantar surat bantahan kepada Pejabat Kolonial London dan filem ini diluluskan tanpa sebarang potongan.
<i>Owd Bob</i>	CO 273/534/22273 Surat WD Ball kpd Philip Cunliffe-Lister, Presiden Board of Trade bertarikh 29 Nov 26	Adegan asmara yang keterlaluan	Kisah seekor anjing gembala biri-biri dan tuannya.
<i>The Rat</i>	CO 273/534/22273 Surat WD Ball kpd Philip Cunliffe-Lister, Presiden Board of Trade bertarikh 29 Nov 26	Tidak pasti.	Penapis Filem kata semua bahagian filem ini teruk. Ketua Polis S'pura cadangkan tukar nama filem.
<i>The Only Way</i>	CO 273/534/22273 Surat J F Brockliss kpd Paston, Under Sec: of State, London bertarikh 2 Dis, 26	Diharamkan oleh Penapis dan J/kuasa Rayuan kerana adegan pemberontakan	Penerbit: First National Pictures Ltd. Diadaptasi drp filem "A Tale of Two Cities".
<i>Tommy Atkins</i>	CO 321/1045/1 Surat drp European Film Exchange kpd Setiausaha Kolonial, Neg-neg Selat bertarikh 26 Feb 29	Pembunuhan askar British di tangan askar Arab	Filem yang sesuai ditayangkan di England tidak semestinya sesuai di negara Islam seperti Malaya
<i>Moulin Rouge</i>	CO 323/1045/1	Tidak pasti	
<i>Show Life</i>	Surat drp A Dent (BIP Export Ltd) kpd Clement Kinloch Cooke bertarikh 9 Mei, 29	Diharamkan kerana adegan gadis Cina yang tinggal bersama dan dilayan buruk oleh seorang lelaki orang putih.	
<i>The Informer</i>	CO 323/1118/9 Surat drp Pegawai di Pej Gabenor Neg-neg Selat kpd Lord Passfield, Setiausaha Negara Tanah Jajahan, bertarikh 5 Dis, 30.	Adegan tembak-menembak yang keterlaluan.	Pengedar tidak merayu kepada J/Rayuan.
<i>Raise the Roof</i>		Adegan tarian yang menggiurkan.	J/Rayuan menolak permohonan
<i>The Compulsory Husband</i>		Adegan mabuk yang memalukan.	Pengedar tidak mahu memotong adegan tersebut dan tidak membuat rayuan

<b>Nama Filem</b>	<b>Sumber</b>	<b>Sebab Pengharaman</b>	<b>Catatan</b>
<i>Harmony Haven</i>	CO 323/1118/9 Surat drp ER Gourdeau kpd S/usaha BIP (Export) Ltd. bertarikh 13 Feb, 31.	Tidak pasti	Mengadu Penapis tidak konsisten dan bias terhadap filem British
<i>The Ghost Train</i>	CO 323/1168/1 Surat drp Federation of British Industries kpd WJ Briggs, Pej. Kolonial bertarikh 15 Mac, 32	Adegan penjualan senjata haram serta pertempuran antara polis dan penyeludup, kedua- duanya guna mesingan.	Tidak membuat rayuan.

**Jadual 4:** Contoh Senarai Filem Terbitan Syarikat British yang  
Diharamkan (1924 – 1932)  
(Sumber: Fail CO 273 / CO 321 / CO 323)